

26 MAR 2002

MAHATHIR-DINAR/I

MEKANISME PENGGUNAAN DINAR SUDAH SEDIA, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 26 Mac (Bernama) -- Malaysia, yang telah mencadangkan supaya dinar emas dijadikan matawang bagi perdagangan antarabangsa, telah menyediakan mekanisme bagi penggunaannya, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di sini hari ini.

Beliau berkata sebarang masalah daripada penggunaan dinar emas itu boleh diselesaikan dan risiko spekulasi akan dapat dikurangkan kepada hampir tiada.

"Perdagangan dunia sebenarnya boleh diperluaskan kerana kos perniagaan akan dikurangkan memandangkan keperluan untuk melindungi nilai secara praktikalnya akan hilang," kata Dr Mahathir.

Beliau berkata demikian pada majlis perasmian Persidangan Pasaran Modal Islam Antarabangsa. Perdana Menteri juga melancarkan minggu Pasaran Modal Antarabangsa.

Dr Mahathir berkata dengan menjadikan dinar sebagai satu matawang perdagangan antarabangsa, tidak bermakna ia akan menggantikan matawang mana-mana negara.

Perdagangan antarabangsa memerlukan penetapan kadar pertukaran matawang negara dagangan, katanya.

Dr Mahathir, yang juga Menteri Kewangan, menjelaskan bahawa matawang kertas tidak mempunyai nilai intrinsik, menjadikan kadar tukaran sembarangan dan tertakluk kepada kepada manipulasi seperti mana yang dilihat semasa krisis kewangan Asia.

Secara perbandingannya, emas mempunyai nilai yang telah ditetapkan berdasarkan kepada permintaan bagi logam, kata beliau.

"Nilainya mungkin meningkat atau susut mengikut permintaan dunia dan permintaan di negara tertentu. Tetapi turun naik itu akan minima," kata Dr Mahathir.

Beliau juga berkata bahawa dinar emas, yang diperbuat daripada emas, akan mengikut harga emas dengan banyaknya.

Harga emas tempatan akan kemudiannya menentukan kadar tukaran matawang tempatan berbanding dinar, kata Dr Mahathir.

Oleh itu, beliau berkata harga barangan yang diimport dalam dinar boleh dikira dalam matawang tempatan dan begitu juga sebaliknya bagi barangan tempatan untuk dieksport.

Dr Mahathir berkata dinar boleh bertindak sebagai rizab bank pusat dengan keperluan minima bagi pergerakannya.

"Perdagangan tidak perlu dibayar dalam dinar yang sebenar, tetapi import dan eksport bagi pasangan negara dagangan boleh diimbangkan dan hanya perbezaannya dibayar dengan dinar," kata beliau.

Beliau menambah bahawa lebihan atau defisit boleh dikreditkan atau didebit bagi import atau eksport masa hadapan. -- BERNAMA

MAD FR NHD